

03/07/1997

Julius Caesar papar budaya Bidayuh

Jamudin Idris

TEATER Julius Caesar di tangan Marzuki Ali tidak saja sarat dengan pengajaran daripada peristiwa tokoh besar yang pernah menjadi rujukan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, ketika menyampaikan ucapan pada perhimpunan agung Umno beberapa tahun lalu tetapi yang lebih penting usahanya menyelitkan seni dan budaya kaum Bidayuh di Sarawak.

Budaya digambarkan daripada cara mereka berpakaian, cara hidup bermasyarakat, rumah baruh manakala kesenian pula dilahirkan melalui tarian, alunan muzik dan peralatan yang digunakan dalam upacara tradisional.

Marzuki melalui teater itu cuba menonjolkan salah satu budaya etnik di Sarawak yang penting tetapi jarang ditonjolkan khususnya kepada masyarakat di luar Sarawak.

Walaupun dalam serba kekurangan dan hasratnya untuk membawa penari serta alat muzik dari Sarawak tidak kesampaian, tetapi itu tidak mematahkan semangat Marzuki untuk memberi sanjungan kepada kaum Bidayuh.

Ini dilakukan atas rasa cinta yang mendalam terhadap kaum Bidayuh serta menyanjung tinggi kebudayaan mereka.

Jika pengarah lain banyak mengekalkan keaslian teater besar dari Greek dan Rom itu tetapi bagi Marzuki yang lama tinggal di Sarawak, beliau cuba membuat pembaharuan dan disesuaikan dengan masyarakat tempatan supaya pemahaman penonton lebih baik.

Persoalan yang cuba ditonjolkan dalam cerita itu boleh berlaku di mana saja dan naskhah besar Shakespeare berkenaan sarat dengan pengajaran.

Misalnya ia ingin menunjukkan sifat Brutus yang jahat kerana tanpa segan-silu menggunakan alasan untuk menyelamatkan Rom tetapi terselit di hatinya ingin merebut kuasa.

Brutus, pembesar negara yang sangat jujur dan disayangi oleh Caesar ikut serta dalam komplot Cassius padahal Cassius bersekongkol dengan Casca untuk menggulingkan Caesar.

Pada hari yang diramalkan terjadinya satu tragedi buruk, Caesar tidak menghiraukan nasihat nujum ketika dia diarak di jalan.

Caesar terus berangkat ke ruang Senat di Idles of March tanpa mengendahkan kata-kata isterinya Calpurnia yang mendapat firasat buruk bahawa Caesar akan mati.

Pada siang itu, Caesar dibunuh. Ketika Marcus Antonius menatap mayat Caesar, dia berpura-pura ramah kepada sekelian pembunuh dan memohon izin untuk berucap.

Ucapannya berjaya membakar semangat rakyat.

Antonius, Lepidus dan Octavius bersepakat menentang pemberontak dalam peperangan saudara yang dahsyat.

Akhirnya Cassius mati membunuh diri dan Brutus mati dengan cara tersendiri.

Dengan menonton teater itu orang ramai tentu dapat mentafsirkan Brutus yang dimaksudkan oleh Dr Mahathir ketika menyampaikan ucapan pada Perhimpunan Agung Umno pada tahun 1987 dan 1994.

Memandangkan pementasannya memakan masa kira-kira tiga jam, dengan masa rehat 15 minit diberikan kepada pelakon.

Teater itu dilakonkan oleh Lokman Ghani, Mohamad Abdullah, Wafa Abdul Kadir, Wan Maimunah, Wan Kenari Ibrahim, Rosli Mansor, Mohd Nasri Atyor, Kamarulzaman Taib dan beberapa yang lain.

Teater itu akan dipentaskan mulai 4 hingga 8 Julai di Panggung

Eksperimen, Kompleks Budaya Negara. Tiket berharga RM10.

Memandangkan teater itu menyentuh budaya kaum Bidayuh, amat wajar sekali jika ada pihak tertentu seperti kerajaan Sarawak membawa pementasan ini ke Sarawak pada masa depan.

(END)